



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU
PERPADUAN ZON SELATAN 2026
DAN ARKIB KOMUNITI PERINGKAT KEBANGSAAN**

9 MEI 2026 (SABTU)

8.00 MALAM

**DATARAN MEMORIAL PENGISYTIHARAN
KEMERDEKAAN, BANDA HLIR
MELAKA**

Terima kasih pengacara majlis.

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

SALUTASI

**Salutasi terkini akan dikemukakan secara berasingan*

1. Malam ini, kita berkumpul di Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan yang bersejarah ini bagi meraikan **Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Zon Selatan 2026 dan Arkib Komuniti Peringkat Kebangsaan** yang melibatkan tiga negeri, iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.
2. Nampak gayonyo hari ni semua cerio belako, itu tandonyo bila hati dah bersatu, loghat lain-lain pun boleh faham. Walaupun orang Melako cakap laju, orang Nogori guna “den-ekau”, Johor pulak steady je, tapi akhirnya kito tetap boleh gelak samo-samo. Inilah uniknya Malaysia, loghat boleh berbeza, cara boleh tak serupo, tapi bila jumpa, kito jadi satu keluarga.
3. Terlebih dahulu, saya mengambilkan kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Melaka, Arkib Negara Malaysia, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Melaka, Johor dan Negeri

Sembilan) serta komuniti Kawasan Rukun Tetangga yang menjayakan pelaksanaan Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Zon Selatan ini.

4. Selain itu, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Negeri Melaka. Berdasarkan laporan IPNas 2025, Melaka mencatat skor **0.816**, sekali gus berada di **tempat kedua keseluruhan antara negeri-negeri di Malaysia**. Pencapaian ini mencerminkan jaringan sosial yang stabil serta nilai kebangsaan yang kukuh. Hebat orang Melako.

SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN: SHARED CIVIC SPACE

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. **Sambutan Minggu Perpaduan merupakan program flagship Kementerian Perpaduan Negara yang mula diperkenalkan pada tahun 2023** dengan tujuan menyemarakkan semangat perpaduan, memperkukuh kefahaman terhadap kepelbagaian budaya, serta meningkatkan integrasi nasional.
6. **Kini, program ini telah memasuki tahun keempat pelaksanaannya** dan terus berkembang dengan cukup meriah serta mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat. Malah, pada tahun lalu, sambutan peringkat kebangsaan di Pulau Pinang telah berjaya menarik kehadiran lebih 210,000

pengunjung, membuktikan komitmen masyarakat terhadap agenda perpaduan negara. Tahun ini peringkat kebangsaan pula akan diadakan di Negeri Sabah bermula 11 hingga 14 Jun 2026 dan akan diarasmikan oleh YAB Perdana Menteri.

7. **Sambutan ini berperanan sebagai sebuah “*shared civic space*” atau dalam istilah falsafah sosial, “*site of intersection*”** iaitu ruang pertemuan yang menyatukan rakyat pelbagai etnik, budaya, bangsa dan agama untuk bertemu, berinteraksi serta saling memahami dalam suasana harmoni, sekali gus memperkukuh jalinan perpaduan dan rasa kebersamaan sebagai satu negara bangsa.
8. Dalam konteks ini, **Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) menjadi wadah yang menghubungkan rakyat melalui pengalaman bersama**, contohnya apabila masyarakat pelbagai kaum berkumpul menikmati makanan tradisional, menyertai aktiviti kebudayaan, atau berinteraksi dalam suasana santai di situlah berlakunya pertemuan nilai, perkongsian pengalaman, dan pembinaan kepercayaan yang menjadi asas kepada perpaduan nasional.
9. SMP tahun ini lebih unik apabila Kementerian Perpaduan Negara melaksanakannya secara zon. Sambutan peringkat Zon Selatan ini mencerminkan kepelbagaian budaya dan

warisan negara. Melaka dengan sejarah Selat Melaka yang pernah menjadi pusat pertemuan lebih 80 bahasa, Negeri Sembilan dengan Adat Perpatih yang menekankan muafakat, serta Johor sebagai negeri moden di pintu selatan negara yang meraikan kepelbagaian dalam arus kemajuan. **Tiga negeri, tiga kekuatan yang disatukan dalam semangat perpaduan nasional.**

10. Saya dimaklumkan bahawa sambutan kali ini menghimpunkan segala keunikan Zon Selatan untuk dialami bersama. Antaranya:

- I. Arkib Komuniti@Rumah Kami yang mempamerkan 10 rumah etnik dari pelbagai kaum di Malaysia,
- II. Arkib Komuniti@Sukan Rakyat,
- III. Foodunites
- IV. Karnival Ekonomi Rukun Tetangga
- V. Jejak Busana Budaya,
- VI. Pertandingan Suara Buluh Perindu,
- VII. Pertandingan Peragaan Kebaya Cilik,
- VIII. Pertandingan Karakter Perpaduan dan
- IX. Pertandingan Tarian Rampaian Etnik.

11. Para pengunjung juga berpeluang menelusuri sejarah di dua buah memorial di bawah seliaan Arkib Negara Malaysia di Melaka, iaitu **Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan**

dan **Memorial Tun Abdul Ghafar Baba** melalui program **Eksplorasi Memorial@Negara Bangsa**. Eksplorasi ini memberi peluang kepada kita mengimbau kembali detik-detik penting sejarah.

ARKIB KOMUNITI: JAMBATAN ANTARA GENERASI

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Zon Selatan 2026 pada kali ini turut dianjurkan bersama Sambutan Arkib Komuniti Peringkat Kebangsaan 2026.

13. Dahulu, Arkib Negara Malaysia lebih memberi fokus kepada rekod awam sahaja. Namun di bawah Kerajaan MADANI, pendekatan ini diperkasakan dengan usaha memasyarakatkan arkib melalui pengenalan inisiatif **Arkib Komuniti**. Inisiatif ini membuka ruang kerjasama yang lebih luas antara Arkib Negara dan komuniti dalam pendokumentasian, penyimpanan serta pemeliharaan khazanah negara, di samping menubuhkan arkib komuniti, menggalakkan pengumpulan sejarah setempat, mengisi jurang maklumat sejarah, serta memupuk semangat menghargai warisan bersama dalam kalangan masyarakat.

14. **Sehingga Mac 2026, jumlah koleksi komuniti Arkib Negara adalah sebanyak 309,740 unit meliputi dokumen, gambar, terbitan, bahan pandang dengar dan personalia.** Bagi Januari hingga Disember 2025, sebanyak 6,296 unit koleksi telah diterima daripada tokoh, individu, keluarga dan pertubuhan.

15. Antara koleksi terawal yang berjaya diperoleh ialah:

- I. koleksi tahun 1810 (**surat Sir Thomas Stamford Raffles**),
- II. koleksi 1848 (**Tengku Omar Ibni Sultan Ahmad Shah**)
- III. koleksi 1903 (**Za'aba**)
- IV. **Koleksi terbesar milik Allahyarham Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dengan 21,331 unit.**
- V. **Koleksi surat Tengku Omar juga telah diiktiraf UNESCO MOWCAP Regional Register 2024.**

16. Bagi merencanakan pelaksanaan **Arkib Komuniti** ini, Kementerian melalui Arkib Negara Malaysia pada tahun ini akan melaksanakan beberapa program utama iaitu: **Sambutan Hari Arkib Komuniti Kebangsaan, Arkib Komuniti @ Merekod Budaya Warisan Bajau Semporna, Arkib Komuniti @ Kampung Warna Warni, Perlis, Arkib Komuniti @ Dokumentasi Waris Nakhoda Yusof, Arkib Komuniti X Karnival Alumni Sekolah Iskandar Shah,**

serta **Arkib Komuniti @ Gendang Sarawak (Bermukun)**. Semua inisiatif ini bertujuan memperkukuh usaha pendokumentasian warisan budaya, sejarah dan identiti komuniti secara lebih menyeluruh di seluruh negara.

17. Saya mengambil kesempatan ini, menyeru semua peringkat masyarakat tanpa mengira latar belakang untuk menyumbang koleksi komuniti kepada Arkib Negara. Usaha ini bukan sahaja memperkayakan khazanah negara, tetapi juga menanam rasa bangga terhadap warisan sendiri asas penting dalam membina jati diri bangsa dan memperkukuh perpaduan negara.

PENUTUP

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

18. Akhir kata, saya berharap Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Zon Selatan 2026 ini akan menjadi pemangkin kepada usaha berterusan dalam memperkukuh perpaduan negara.

19. Marilah kita bersama-sama menjadikan arkib komuniti sebagai warisan sejarah negara, perpaduan sebagai amalan dan Malaysia sebagai rumah kita yang satu. Saya akhiri ucapan dengan serangkap pantun:

*Dari Johor bawa semangat juara,
Melaka kisahnya tersohor dunia,
Negeri Sembilan adat dijaga,
Arkib Komuniti penyatu negara.*

Dengan ini, saya sukacitanya merasmikan **Sambutan Minggu Perpaduan dan Arkib Komuniti Peringkat Kebangsaan Zon Selatan 2026.**

Sekian, Terima Kasih.